



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENTERJEMAH ARAB (C.2 EB.3)
JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PENTERJEMAH ARAB

JABATAN MUFTI KERAJAAN

JABATAN PERDANA MENTERI

C.2 EB.3 [\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN]

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.*

ATAU

- ii) *Telah berkhidmat di Jabatan Mufti Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.*

ATAU

- ii) *Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.*

2. Berkebolehan bertutur, menulis dan menaip dalam Bahasa Arab.
3. Berpengetahuan dan berpengalaman yang luas dalam bidang Penterjemah (Arab-Melayu, Melayu-Arab) atau pernah mengajar dalam Bahasa Arab adalah kelebihan.
4. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
5. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik adalah keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan tugas-tugas penterjemahan dari Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu dan sebaliknya; dan
2. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.